

RISALAH MAKLUMAT UNTUK PESAKIT

KALIUM SITRAT/ NATRIUM SITRAT



MINISTRY OF HEALTH
SINGAPORE



Adding years of healthy life



A member of the NUHS



member of the NUHS



EASTERN
HEALTH
ALLIANCE



Jurong Health



 SingHealth

MENGENAI ubat anda

Kalium dan natrium sitrat digunakan untuk menjadikan air kencing lebih beralkali (maksudnya kurang berasid). Ini membantu untuk melegakan ketidakselesaan dalam jangkitan-jangkitan saluran kencing. Sitrat-sitrat juga digunakan untuk merawat dan mencegah batu-batu buah pinggang dengan mengurangkan jumlah asid di dalam air kencing. Sitrat juga digunakan untuk menjadikan darah lebih beralkali dalam penyakit-penyakit tertentu.

Natrium sitrat digunakan apabila pengambilan kalium tidak dibenarkan atau dilarang. Kalium sitrat dipilih untuk pesakit-pesakit yang memerlukan kalium atau untuk mereka yang dihadkan pengambilan natrium.

BAGAIMANAKAH saya mengambil ubat ini?

Doktor anda akan menentukan jumlah ubat yang anda perlu berdasarkan keadaan anda. Ambil ubat ini mengikut dos yang dipreskripsi oleh doktor anda.

Untuk pesakit-pesakit yang mengambil bentuk larutan

Cairkan dengan satu gelas air penuh dan minum, diikuti dengan tambahan air jika perlu. Sejukkan (tetapi tidak boleh bekukan) ubat ini sebelum pengambilan supaya rasanya lebih baik.

Untuk pesakit-pesakit yang mengambil bentuk kristal

Tambahkan kandungan satu bungkus ke dalam sekurang-kurannya satu gelas penuh air sejuk. Kacaukannya dengan baik untuk memastikan kristal-kristal terlarut sepenuhnya. Minum semua larutan diikuti dengan tambahan air jika perlu.

Ambil setiap dos dengan segera selepas makan atau dalam masa 30 minit selepas makan atau kudapan. Cuba minum lebih air sepanjang hari, untuk meningkatkan aliran air kencing anda, kecuali diarahkan sebaliknya oleh doktor anda.

Apa yang patut saya buat jika saya TERLUPA satu dos?

Jika anda tertinggal satu dos atau terlupa ambil ubat anda, ambil dos tersebut sebaik sahaja anda ingat. Namun, jika sudah menghampiri masa untuk dos yang berikutnya, maka tunggu sehingga masa tersebut dan biarkan sahaja dos yang terlupa. Jangan gandakan dos anda atau mengambil ubat yang berlebihan demi mengantikan dos yang terlupa.

Apakah KESAN-KESAN SAMPINGAN yang mungkin berlaku untuk ubat ini?

Hentikan pengambilan ubat ini dan periksa dengan doktor anda jika sebarang kesan sampingan berikut berlaku:

- najis melekit kehitaman
- kekeliruan
- sawan
- cirit-birit yang teruk
- kesakitan perut yang teruk
- kesukaran bernafas

Kesakitan perut, cirit-birit, mual dan muntah mungkin berlaku kepada sesetengah pesakit. Kesan-kesan sampingan ini akan reda dengan rawatan berterusan apabila badan anda telah menyesuaikan diri terhadap ubat. Namun, periksa dengan doktor anda jika sebarang kesan sampingan ini berlarutan atau menyebabkan kesusahan.

Apakah LANGKAH BERJAGA-JAGA yang patut saya ambil?

Periksa dengan doktor anda jika anda sedang mengambil makanan yang menghadkan kandungan natrium atau kalium.

Beritahu doktor dan ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat-ubat lain, sediaan-sediaan jamu, produk-produk nutrisi atau vitamin.

Anda mesti memberitahu doktor anda jika anda mengalami alahan terhadap sebarang ubat-ubat lain atau jika anda mengalami alahan semasa mengambil ubat ini. Simptom-simptom alahan termasuk salah satu atau lebih daripada yang berikut: kebengkakan muka/mata/bibir mulut, kesukaran bernafas atau kegatalan ruam kulit yang merebak.

Beritahu doktor anda jika anda sedang menyusui anak, sedang hamil atau mungkin akan hamil semasa khusus rawatan.

Bagaimana patut saya MENYIMPAN ubat?

Simpan ubat di tempat yang kering pada suhu bilik, jauh daripada haba dan cahaya matahari langsung. Jangan simpan ubat di dalam peti sejuk kecuali diarahkan untuk membuat demikian.